



## PERATURAN PERTANDINGAN HOKI DEWAN 5 SEBELAH (WANITA/LELAKI)

### 1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persatuan Hoki Antarabangsa hendaklah diikuti.

### 2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara 4.0. di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA adalah dirujuk.
- 2.2 Bilangan  
Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 9 orang pemain dalam Borang Pendaftaran perlawan.
- 2.3 Kelayakan  
Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran Perlawan tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 2.4 Borang Pendaftaran Perlawan  
Borang Pendaftaran Perlawan yang mengandungi senarai nama pemain dan pemain simpanan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan 15 minit sebelum permainan bermula.

### 3.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 3.1. Secara liga
  - 3.1.1 Cara memberi mata : Menang - 3 mata  
Seri - 1 mata  
Kalah - 0 mata
  - 3.1.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak adalah dikira sebagai pemenang.
  - 3.1.3 Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, pasukan yang mendapat perbezaan gol terbanyak dikira menang.

- 3.1.4 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jaringan gol terbanyak dikira menang.
- 3.1.5 Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dalam pertandingan ini akan dikira menang.
- 3.1.6 Jika masih seri, pukulan shoot out akan dijalankan.

### 3.2 Secara Kalah Mati

- 3.2.1 Bagi perlawaan kalah mati, jika kedudukan seri selepas tamat waktu permainan, cara-cara berikut akan digunakan untuk memutuskannya.
- 3.2.2 Pukulan shoot out akan dijalankan.

## 4.0 SISTEM PUKULAN PENALTI “SHOOTOUT”

- 4.1 Semua pemain yang didaftarkan dalam perlawaan tersebut adalah layak untuk mengambil pukulan penalti.
- 4.2 Pengurus pasukan bertanggungjawab untuk mendaftarkan 3 orang pemain untuk mengambil pukulan penalti “shootout” dari tanda penalti yang akan dijalankan secara berselang seli.
- 4.3 Jika kedudukan masih seri, penalti akan dilanjutkan dengan cara “sudden death”.
- 4.4 Pengadil akan menentukan gol mana pukulan penalti “shootout” akan dijalankan.

## 5.0 PAKAIAN/ALAT

### 5.1 Pakaian

Sekiranya terdapat persamaan warna jersi antara dua pasukan yang akan bertanding, pasukan yang namanya dicatat dahulu dalam jadual pertandingan dikehendaki menukar warna jersi yang lain.

### 5.2 Alat.

Peralatan perlawaan (kayu hoki) sahaja yang akan disediakan oleh pihak pengajur semasa perlawaan, namun pasukan digalakkan untuk membawa peralatan sendiri.

## 6.0 PERTUKARAN

Semua pemain boleh ditukar pada bila-bila masa termasuk masa tambahan. Pemain yang diganti dibenarkan bermain semula di dalam permainan yang sama.

## 7.0 PASUKAN DAN MASA BERMAIN

7.1 Pasukan

Tiap-tiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 pemain di padang sebelum satu-satu pertandingan dimulakan.

7.2 Masa

Masa bermain ialah 6 minit tiap-tiap separuh masa dengan 1 minit masa rehat (6:1:6).

**7.0. KELEWATAN**

Masa selama 5 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 3 mata kemenangan dan bilangan 3 - 0.

**8.0. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

**9.0. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**